

Pastikan bajet kepentingan rakyat

PAS Selangor berazam memastikan hasrat perancangan Bajet 2016 yang dibentangkan Menteri Besar Mohamed Azmin Ali menjadi kenyataan demi kepentingan rakyat.

Setakat ini, PAS Selangor berpuas hati dengan penerimaan rakyat negeri itu, malah beranggapan ia bajet yang lengkap serta

memenuhi keperluan rakyat.

Pesuruhjaya PAS negeri Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, bajet dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada 30 Oktober lalu itu mampu membela nasib rakyat yang semakin tertekan akibat suasana ekonomi yang tidak menentu sekarang.